

SEKRETARIAT AKREDITASI TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL (TTAS)

Ruj. : MBOT 600-8/5/1 (25)

Tarikh : 12 Januari 2022

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN MENSYARATKAN PELANTIKAN PENASIHAT INDUSTRI DAN PENASIHAT LUAR DARI KALANGAN TEKNOLOGIS PROFESIONAL (Ts.) DAN JURUTEKNIK BERTAULIAH (Tc.) BAGI PROGRAM PENGAJIAN YANG DIAKREDITASI OLEH MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL (TTAC) LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) Kali ke-25 Bil.6/2021 bertarikh 15 Disember 2021, memutuskan bahawa pelantikan Penasihat Industri dan Penasihat Luar bagi program pengajian yang diakreditasi oleh TTAC MBOT adalah disyaratkan dari kalangan Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.) bermula 1 Januari 2024.

3. Selaras dengan ketetapan ini, program yang diakreditasi oleh TTAC MBOT ketika ini adalah disarankan untuk melantik Penasihat Industri dan Penasihat Luar dari kalangan Ts. dan Tc. sebagai persediaan awal kepada ketetapan ini.

4. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/puan boleh menghubungi Sekretariat Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAS) MBOT di talian 03-88006268 atau e-mel ttas@mbot.org.my.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan mengenai perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROFESOR DATO' Ts. DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS)

Pengerusi

Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC)
Lembaga Teknologis Malaysia